

03 OCT 1999

Mahathir-Jalan

NEGARA MEMBANGUN PERLU TINGKATKAN PROJEK PEMBINAAN

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara-negara membangun perlu meningkatkan projek dan program pembinaan agar dapat membolehkan penyertaan yang lebih besar oleh penduduk luar bandar dalam pembangunan sosio-ekonomi.

Perdana Menteri berkata jalan dan model pengangkutan yang lain merupakan kunci di dalam meningkatkan kualiti hidup.

Bagi jurutera jalan, mereka harus menumpukan perhatian kepada mengenalpasti teknologi yang dapat melanjutkan hayat perkhidmatan infrastruktur jalan berikutan sumber kewangan yang terhad, katanya pada perasmian Kongres Jalan Sedunia ke-21 di sini.

Ucapannya dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berkata satu dasar pengangkutan perlu mengimbangkan tiga isu penting -- alam sekitar, ekonomi dan keutamaan pengguna.

Bagi negara maju, katanya, mereka percaya bahawa satu perubahan di dalam penekanan diperlukan untuk mengenalpasti akibat jangka panjang di dalam pertumbuhan lalulintas yang pesat.

Beliau berkata bagi negara-negara maju era pembinaan dan pelaksanaan projek lebuhraya yang besar telah berakhir dan pemikiran dan trend baru kini adalah untuk menguruskan apa yang ada, dan bukannya membina lebih banyak infrastruktur.

Beliau berkata dilema yang dihadapi kebanyakan negara membangun ialah untuk mengimbangkan pembangunan dan alam sekitar.

Katanya pembinaan jalan terutama jalan baru akan secara langsung dan tidak langsung mewujudkan kesan alam sekitar tetapi di Malaysia pembangunan mapan dengan penekanan kepada perlindungan alam sekitar telah diberikan keutamaan.

Dr Mahathir berkata walaupun dunia bersetuju kepada pelbagai deklarasi alam sekitar, termasuk sidang kemuncak Rio 1992 yang mensyaratkan negara kaya menyumbang kepada negara miskin untuk mengelak negara miskin daripada menebang pokok untuk pembangunan, sumbangan daripada negara kaya masih belum kesampaian.

"Namun begitu negara-negara kaya ini terus menerus mengutuk negara-negara yang tidak mempunyai pilihan melainkan mengeksploitasi sumber-sumber asli yang sedikit yang dimiliki mereka," katanya.

Di Malaysia, katanya, langkah-langkah secukupnya diambil untuk meminimumkan kerosakan terhadap alam sekitar dalam projek-projek pembangunan yang besar termasuk pembinaan jalan dan satu contoh adalah lebuhraya utara-barat kedua yang sedang dilaksanakan di mana lima peratus daripada kos keseluruhan projek diperuntukkan untuk kerja-kerja perlindungan alam sekitar.

Beliau berkata jalan raya merupakan pelaburan terkumpul yang besar bagi sesebuah negara yang harus dikekalkan dan diselenggara dengan baik bagi generasi akan datang.

"Kita harus kembali kepada falsafah penyelenggaraan yang baik dan tanggapan bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada pembaikan perlu diberikan pertimbangan yang sewajarnya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata perbelanjaan yang dilaburkan di dalam penyelenggaraan harus dianggap sebagai satu pelaburan.

Oleh itu satu konsep pengekoskan kitaran hidup harus diperkenalkan sebelum membuat keputusan mengenai perbelanjaan penyelenggaraan, katanya.

Untuk itu sistem pengurusan penyelenggaraan perlu bagi membolehkan satu penggubalan standard dan tahap campur tangan yang rasional, kata beliau.

Dr Mahathir berkata kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian dan kecederaan telah menjadi satu isu besar berikutan pembaikan di dalam sistem jalan raya dan keadaan itu lebih teruk di negara-negara membangun di mana dianggarkan 350,000 orang mati dalam kemalangan jalan raya setiap tahun.

Beliau berkata di Malaysia, kemalangan jalan raya telah mencetuskan kebimbangan dan perangkaan menunjukkan peningkatan dalam jumlah kematian dari 4,048 kematian pada 1990 kepada 6,302 kematian pada 1997, mengakibatkan kerugian RM6 bilion setahun.

Bagaimanapun, perdana menteri gembira kerana terdapat sedikit penurunan dalam jumlah kemalangan jalan raya pada tahun lepas.

Beliau juga menghargai peranan penting World Road Association dalam meningkatkan kerjasama teknikal dan merangsangkan kemajuan dalam kejuruteraan jalan raya.

Malaysia mempunyai lebih 16,000 km jalan persekutuan dan kira-kira 50,000 km jalan negeri dan rangkaian jalan raya yang meningkat pada kadar kira-kira 10 peratus setahun.

-- BERNAMA

ARA AKD